

Tanam 100 pokok lestarikan alam di Bukit Penarikan

Jempol: Bukit Penarikan antara mercu tanda aktiviti pendakian di daerah Jempol akan berwajah apabila lebih hijau 100 anak pokok pelbagai spesies ditanam di kawasan berkenaan, kelmarin.

Inisiatif itu dilaksanakan oleh Trekzo Resources sebagai pengisian kalendar Tahun Baharu 2026, sekali gus menyokong Program Penghijauan Malaysia menerusi Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di seluruh negara.

Pengurus Besa Trekzo Resourcea, Mohd Razainor Mohd Sau, i berkat, sebagai pengendali aktiviti pendakian, pihaknya memikul tanggungjawab untuk memastikan kelestarian alam semula jadi di lokasi yang sering menjadi tumpuan pelancong domestik dan luar itu terus terpelihara.

“Seramai 40 peserta daripada komuniti pendaki, sukarelawan dan penduduk setempat menyertai program ini bagi menanam spesies pokok terpilih.

“Objektif utama untuk memulihara kawasan hijau di Bukit Penarikan, di sam-



Antara peserta menyertai program menanam pokok di Bukit Penarikan, Jempol.
(Foto Abnor Hamizam/BH)

ping memberi kesedaran kepada orang awam mengenai kepentingan menjaga ekosistem hutan,” katanya.

Antara spesies pokok ditanam termasuk Merbau, Meranti Tembaga, Beruas, Merawan Kancing, Merawan Siput Jantan, Balau, Cengal dan Tikoma.

Mohd Razainor berkata, program juga bertujuan memupuk amalan rekreasi yang lebih ber-

tanggungjawab dalam kalangan pendaki.

Semua pokok berkenaan disumbangkan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.

Bukit Penarikan terletak di Kampung Bukit Laka, Bahau terus menjadi lokasi pilihan utama aktiviti riadah di Negeri Sembilan kerana keunikan trek dan pemandangan puncak yang memukau.